

KARATE 2024

1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1 PERATURAN PERTANDINGAN

Mengikut Undang-undang dan Peraturan Am Sukan MASUM yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan ini.

1.2 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

1.2.1 Selain daripada peraturan – peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang – undang 'World Karate Federation (WKF) @ Persekutuan Karate Malaysia (MAKAF).

1.2.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi penafsirannya, maka undang – undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.

1.2.3 Kejadian diluar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan atau undang – undang berkenaan akan diputuskan seperti berikut:

1.2.3.1 Semua kejadian akan diputuskan berasaskan kepada Peraturan Am MASUM.

1.2.4 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada Undang – Undang World Karate Federation (WKF) @ Persekutuan Karate Malaysia (MAKAF).

1.3 PENDAFTARAN PEMAIN/PEMBENTUKAN PASUKAN

1.3.1 Kejohanan Terbuka Antara Pelajar Universiti – Universiti Awam Malaysia dan Universiti Jemputan MASUM. Setiap universiti @ pasukan hanya boleh mendaftar satu pasukan sahaja.

1.3.2 Sesuatu acara hanya akan dijalankan atau diadakan sekiranya terdapat **minima 4 peserta individu/pasukan berlainan** yang mengambil bahagian.

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Ke arah Kegemilangan Sukan Universiti



1.4 Acara-acara yang dipertandingkan

1.4.1 KATA & KUMITE - Individu & berpasukan

1.4.2 Kategori Lelaki

No	Kategori Lelaki
1.	Kata Individu
2.	Kata Berpasukan
3.	Kumite Individu – 55 kg
4.	Kumite Individu – 60 kg
5.	Kumite Individu – 67 kg
6.	Kumite Individu – 75 kg
7.	Kumite Individu – 84 kg
8.	Kumite Individu + 84 kg
9.	Kumite Berpasukan

1.4.3 Kategori Wanita

No	Kategori Wanita
1.	Kata Individu
2.	Kata Berpasukan
3.	Kumite Individu - 50 kg
4.	Kumite Individu - 55 kg
5.	Kumite Individu - 61 kg
6.	Kumite Individu - 68 kg
7.	Kumite Individu + 68 kg
8.	Kumite Berpasukan

1.5 Acara Individu

1.5.1 Acara Kata Individu (Lelaki & Wanita):

Setiap pasukan dibenarkan mendaftar **SEORANG** sahaja peserta lelaki dan seorang peserta wanita di dalam setiap **KATEGORI** yang dipertandingkan.

1.5.2 Acara Kumite Individu (Lelaki & Wanita):

Setiap pasukan dibenarkan mendaftar seorang **SAHAJA** peserta lelaki dan seorang peserta wanita di dalam setiap **KATEGORI** yang dipertandingkan.

1.6 Acara Berpasukan :

1.6.1. Acara KUMITE Berpasukan:

1.6.1.1 Satu pasukan Lelaki hendaklah merangkumi minima seramai **LIMA** (5) orang peserta dan maksima seramai **TUJUH** (7) orang peserta.

1.6.1.2 Satu pasukan Wanita hendaklah merangkumi minima seramai **TIGA** (3) orang peserta dan maksima seramai **EMPAT** (4) orang peserta.

1.6.2. Acara KATA Berpasukan (Lelaki & Wanita)

1.6.2.1 Satu pasukan Lelaki dan satu pasukan wanita hendaklah merangkumi seramai **TIGA** (3) orang peserta.

2. PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 SISTEM PERTANDINGAN

2.1.1 Pertandingan Kata akan dijalankan mengikut peraturan terbaru iaitu sistem *point* manakala Kumite akan dijalankan mengikut sistem *repechage* seperti peraturan WKF (Peraturan Semasa) @ MAKAF.

2.2.2 Masa Pertandingan: Bagi acara Individu KUMITE lelaki dan wanita adalah 3 minit.

2.2 TIMBANG BERAT

2.2.1 Proses rasmi timbang berat akan diadakan **SEHARI SEBELUM ATAU PADA HARI PERTANDINGAN** mengikut kategori yang dipertandingkan. Sekiranya peserta gagal mengekalkan berat badan di dalam kategorinya, peserta berkenaan secara automatik tersingkir dari menyertai pertandingan ini.

2.3 TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

2.3.1 Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan satu atau dua (1 @ 2) hari sebelum pertandingan dijalankan.

2.3.2 Penukaran atau Penambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan **TIDAK DIBENARKAN**.

2.3.3 Senarai peserta yang disahkan semasa taklimat pengurus pasukan adalah muktamad.

2.4 BORANG PENGESAHAN PERUBATAN

- 2.4.1 Setiap pasukan yang mengambil bahagian adalah digalakkan untuk mengambil dan menguruskan insuran kemalangan, kecacatan anggota dan proses baik pulih untuk peserta.
- 2.4.2 Setiap peserta adalah **DIWAJIBKAN** untuk mengisi dan menyerahkan Borang Pengesahan Kesihatan kepada Jawatankuasa Pengelola yang disahkan oleh Pegawai Kesihatan atau Pegawai yang setaraf dengannya sebelum pertandingan bermula.
- 2.4.3 Peserta yang gagal untuk mengisi dan menyerahkan Borang Pengesahan Kesihatan yang telah disahkan oleh Pegawai Perubatan atau Pegawai yang setaraf dengannya kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum pertandingan bermula **TIDAK DIBENARKAN** bertanding.

2.5 PAKAIAN DAN PERALATAN

- 2.5.1 Rujuk Undang – Undang WKF (*Peraturan Semasa*) @ MAKAF.
- 2.5.2 Beberapa peralatan keselamatan yang WAJIB dipakai oleh setiap peserta adalah seperti berikut;
 - 2.5.2.1 **“Mitts”** yang diluluskan oleh WKF @ MAKAF (seorang peserta memakai merah & seorang warna Biru)
 - 2.5.2.2 Pelindung Badan dan Mulut (Mouth guard)
 - 2.5.2.3 ‘Gum Shield’
 - 2.5.2.4 Pelindung badan bagi lelaki dan wanita (Body Protector) yang diluluskan oleh WKF @ MAKAF
 - 2.5.2.5 Pelindung Dada bagi wanita (Female chest protector) yang diluluskan oleh WKF @ MAKAF
 - 2.5.2.6 Pelindung Betis (Shin Pad) yang diluluskan oleh WKF @ MAKAF (seorang peserta memakai merah & seorang warna Biru)
 - 2.5.2.7 Pelindung kaki (foot protector) yang diluluskan oleh WKF@ MAKAF (seorang peserta memakai merah & seorang warna Biru)
- 2.5.3 Antara peralatan yang berkaitan dengan karate dan tidak dinyatakan hendaklah di rujuk dalam Undang – Undang WKF (*Peraturan Semasa*) @ MAKAF.

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Kegemilangan Sukan Universiti



2.6 HADIAH

2.6.1 Hadiah akan disediakan oleh pihak MASUM untuk pemenang-pemenang tempat Pertama, Kedua dan Ketiga bersama (2 orang / 2 pasukan).

3. RINGKASAN PENYERTAAN

Karate	Lelaki	Wanita
Pegawai Pasukan	4	
Atlet	13	10